



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**27 NOVEMBER 2021 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**27 NOVEMBER 2021 (SABTU)**

PKPS mempunyai kawalan harga dalam pengeluaran sayur di negeri itu

## Sayur di Selangor dijamin murah

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** — Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan jualan produk sayur-sayuran pihaknya masih kekal pada harga rendah dan berpatutan.

Sayuran itu antaranya sawi hijau, brokoli, cili, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya mempunyai mekanisme kawalan harga berikutkan ladang di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

"PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Selangor akan terus memikirkan kaedah membantuan rakyat terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Justeru, kita memberi jaminan bahawa harga produk sayuran PKPS masih rendah dan berpatutan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Kelmarin Kementerian Per-



KERATAN Kosmo! semalam.

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini ada kaitan dengan peningkatan harga bahan dan rakan di pasaran dunia.

Jelas Mohamad Khairil, PKPS akan turut melancarkan kempen-jualan mega jimat bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat akses sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, kita akan menjual sayur pak choy hanya RM3.50 per kg berbanding harga



SAYURAN yang dijual PKPS di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan semalam.

pasaran iaitu RM9, manakala kacang buncis dijual RM6 per kg berbanding RM15.

"Kempen jualan itu juga seba-

hagian daripada promosi memperkenalkan jenama komersial PKPS iaitu Ehsan kepada orang ramai," ujarnya.

Tambah beliau, lokasi dan kaedah jualan akan dikongsi pihaknya menerusi laman Facebook dan Instagram PKPS.

HARI : SABTU  
TARIKH : 27/11/2021  
M/SURAT : 14

**PERSEDIAAN BANJIR**

## KPDNHEP lantik 41 pemborong

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan melantik 41 pemborong utama dan 53 peruncit terpilih di setiap daerah di negeri ini sebagai persediaan menghadapi banjir.

Pengarah KPDNHEP Kelantan Adnan Abd Rahman berkata, ia bagi memastikan keberadaan bekalan barang kawalan dan keperluan asas mencukupi, mudah diperoleh dan dijual dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan serta bertututan.

Katanya, pelaksanaan menerusi Pelan Kontigensi Banjir itu akan dijalankan melalui tiga fasa persediaan iaitu sebelum, semasa dan tempoh pemulihan selepas fenomena bencana alam banjir di negeri ini.

"Pelaksanaan ini melalui tindakan Seksyen Penguat Kuasa, dan pemborong dan peruncit yang terpilih membabitkan setiap daerah mengikut 26 pusat peminahan sementara (PPS) yang dibuka di kawasan berisiko yang terlibat.

"Pemborong dan peruncit barang kawalan dan barang keperluan asas yang dilantik ini merupakan pemegang stok mini hendaklah memastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, menerusi pelantikan itu, mereka dibenar menambah had simpanan bekalan barang kawalan melebihi 30 peratus kuantiti daripada had simpanan sedia ada yang dibenar dalam lesen asal barang kawalan berjadual semasa tempoh musim bencana ini.

# Pastikan barang keperluan cukup

KPDNHEP Kelantan lantik 42 pemberong, 53 peruncit siap sedia hadapi musim banjir

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

**K**e menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan melantik 41 pemberong utama dan 53 peruncit terpilih di setiap daerah di negeri ini sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan berlaku banjir.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, ia merupakan Pelan Kontingensi Banjir melalui tiga fasa iaitu persediaan sebelumnya, semasa dan tempoh pemulihan selepas bencana alam berlaku.

"Objektif kita adalah untuk memastikan keberadaan bekalan barang kawalan dan keperluan asas mencukupi, mudah diperoleh dan dijual dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan serta berpatutan."

"Pemberong dan peruncit barang kawalan serta barang keperluan asas yang dilantik ini merupakan pemegang mini stok dan hendaklah sentiasa memastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, dalam Pelan Kontingensi yang ditetapkan KPDNHEP



Adnan (tengah) melakukan tinjauan stok bekalan makanan melibatkan pembekal yang dilantik.

Kelantan, lantikan berkenaan dibenarkan menambah had simpanan bekalan barang kawalan melebihi 30 peratus kuantiti had simpanan sedia ada yang dibenarkan dalam lesen asal barang kawalan berjadual dalam tempoh musim bencana ini.

Beliau berkata, selain itu juga KPDNHEP Kelantan telah mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar, pemberong, pengimport, persatuan dan agensi kerajaan terlibat dengan mengadakan mesyuarat bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menghadapi banjir di negeri ini.

"KPDNHEP Kelantan juga mengaktifkan Bilik Gerakan yang juga 'Enforcement Command Centre' bermula jam 8 pagi hingga jam 10 malam termasuk di seluruh cawangan pentadbiran KPDNHEP Kelantan iaitu KPDNHEP Cawangan Pasir Mas, Kuala Krai, Tanah Merah dan Gua Musang untuk

menerima sebarang aduan berkaitan.

"KPDNHEP Kelantan juga sentiasa mempergiatkan peninsiasian harian dan memantau kedudukan bekalan barang kawalan dan keperluan asas dari masa ke masa melibatkan penugasan 133 pegawai penguat kuasa dan 90 pegawai pemantau harga," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tindakan secara tegas tanpa kompromi terhadap peniaga yang menyorok, enggan menjual dan menyeleweng serta menjual melebihi harga maksimum akan dilaksanakan.

"KPDNHEP Kelantan akan terus mengambil tindakan yang relevan bagi memastikan bekalan barang kawalan dan keperluan asas sentiasa berada dalam pasaran serta mengawal mengikut harga yang berpatutan."

"Pengguna tidak perlu resah dengan membuat pembelian secara banyak atau melebihi kawalan kerana bekalan barang kawalan dan barang keperluan asas sentiasa mencukupi," jelasnya.

# Lebih banyak barang akan naik harga

Harga tepung, gula dan beras antara yang dijangka naik dalam tempoh sebulan lagi

Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

**S**elepas harga sayur melambung, peniaga di daerah ini meramal beberapa harga barang keperluan asas lain dijangka naik dalam tempoh sebulan lagi.

Rata-rata peniaga mendakwa kenaikan harga itu membabitkan tepung gandum, gula, beras, roti, minyak masak, bawang merah dan bawang besar serta ikan dan daging.

Seorang peniaga, Fatimah BB Saip Khan, 59, berkata, semua barang keperluan asas itu berdepan kenaikan harga sekitar 30 peratus.

"Kita jangka tepung gandum, gula dan beras akan alami peningkatan harga dalam masa terdekat. Kita sebagai peniaga terpaksa bersedia dengan kadar harga baharu ini.

"Kalau ikutkan, setakat ini beberapa jenis barang seperti telur, sabun, barang plastik dan semua jenis barang coklat naik sekitar 10 sen



Fatimah menyusun roti yang turut mengalami peningkatan harga di kedainya di Kampung Bukit Sekillau, Kuantan.



hingga 50 sen," katanya ketika dijumpai *Sinar Harian* di kedai miliknya di Kampung Bukit Sekillau pada Jumaat.

Fatimah memberitahu, kenaikan harga berlaku disebabkan pihak pembekal atau pengeluar berdepan kenaikan kos bahan mentah serta pengangkutan.

Peniaga barang runcit dan basah, Zahidi Hamdan, 56, mengakui menghadapi tekanan akibat kenaikan harga barang basah selepas sektor ekonomi dibuka beberapa bulan lalu.

Menurutnya, situasi ini menghimpit peniaga selain terdapat persepsi yang mengatakan mereka sengaja menaikkan harga jualan kepada pengguna.

"Saya dengar beberapa jenis barang lain akan naik secara berperingkat, ini menambah keimbangan peniaga kerana kami terpaksa menjual lebih mahal," katanya.

Sementara itu, penjaja makanan, Marlina Kamarzaman, 44, berkata, peningkatan harga mula berlaku sejak minggu lalu dan keadaan itu amat menggusarkan mereka sebagai peniaga.

"Sebelum ini saya memperuntukan RM200 hingga RM400 sehari untuk modal bahan mentah pelbagai laut pauk dan kini harga itu meningkatkan sekali ganda.

"Bayangkan bagaimana kami nak jual nanti kerana jika terlalu mahal pelanggan akan merungut, sebaliknya jika murah kami akan rugi," katanya.

## Sayur di Melaka naik lebih separuh harga

**MELAKA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka merekodkan harga sayur di Melaka meningkat hingga mencecah lebih separuh harga.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, pemantauan dilakukan penguat kuasa mendapati beberapa jenis sayuran mengalami peningkatan harga sehingga 50 peratus berikutan bekalan makanan asas itu semakin berkurang kerana faktor cuaca dan pengangkutan.

"Antara sayur meningkat harga ialah cili merah, brokoli, sawi dan kubis dengan anggaran kenaikan antara RM2 dan RM4 sekilogram.

"Didapati kenaikan harga jualan bagi sayuran di pasaran disebabkan faktor cuaca hujan musim tengkujuh dan cuaca sejuk melampau dialami oleh negara pengeluar (sayur import).

"Selain itu kenaikan kos pengangkutan menyumbang kepada kenaikan harga sayuran hingga mencecah 50 peratus," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Kata beliau, di Melaka hampir 80 peratus bekalan sayur diperoleh dari negeri lain.

Kebanyakan bekalan sayur dalam negara pula diperoleh dari Selangor, Pahang, Johor dan Negeri Sembilan.



Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa harga sayur di Pasar Alor Gajah pada Jumaat.

## Harga bawang naik tiga kali dalam sebulan

**ALOR SETAR** - Kenaikan harga barang keperluan di-khawatir makin menjadi-jadi apabila harga bawang turut dikesan meningkat selepas ayam, telur dan sayur-sayuran di bandar raya ini sejak awal bulan ini.

Seorang peniaga, Mohd Azam Md Shukri, 32, berkata, harga bawang seperti bawang besar, bawang Holland, bawang kecil dan bawang putih naik sebanyak tiga kali pada November.

Disebabkan itu, Mohd Azam berkata, dia terpaksa

menjual bawang pada harga lebih tinggi, seperti bawang besar daripada lebih RM2 sekilogram kepada RM4 sekilogram.

“Saya perlu mengeluarkan modal lebih besar apabila harga seguni bawang putih seberat lapan kilogram naik daripada RM40 kepada RM48 manakala seguni bawang besar seberat enam kilogram kini RM17 berbanding RM14 sebelum ini.



MOHD AZAM

“Setiap kali naik, saya perlu tambah modal dan sekarang sudah beberapa kali kenaikan berlaku,” katanya ketika di temui dalam pemantauan harta bersama Pemuda UMNO Bahagian Alor

Setar di Pasar Kampung Berjaya pada Jumaat.

Turut hadir, Ketua Pemuda

UMNO Alor Setar, Syed Mohd Johan Rizal Syed Unan Mashri dan Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff.

Menurutnya, harga bawang paling mahal merupakan bawang kecil Siam dengan harga RM135 seguni seberat sembilan kilogram namun tidak di jual di pasar pagi itu disebabkan harganya terlampaui tinggi.

“Kiranya, bukan hanya pengguna tetapi peniaga juga terkesan apabila harga naik,” ujarnya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **SABTU**  
TARIKH : **27/11/2021**  
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM6.49</b>	• Telur Gred A <b>RM12.30</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM11.99</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM35</b>	• Ikan Kembunggi <b>RM10.99</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.99</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM4.99</b>
	• Daging Lembu Impor <b>RM15.50</b>	• Miryak Masak <b>RM6.40</b>	• Bawang Putih <b>RM5.50</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.19</b>
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP